



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG (JKSNPP)

DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**TAWARAN SEMULA KONTRAK PENYEWAAN DAN PENGURUSAN
KAFETERIA – MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI
KAFETERIA BANGUNAN KOMPLEKS JABATAN KEHAKIMAN**

SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI

30 April 2018 HINGGA 29 April 2020

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI PULAU PINANG**

**TAWARAN SEMULA SEBUT HARGA KONTRAK PENYEWAAN DAN
PENGURUSAN KAFETERIA – MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL
DI KAFETERIA BANGUNAN KOMPLEKS JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI PULAU PINANG
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI
30 April 2018 HINGGA 29 April 2020**

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN	PERKARA	MUKASURAT
A	Surat Pelawaan Sebut Harga	A/01
	Lampiran Q	A/02 - A/03
	Tawaran Harga Kontrak	A/04- A/05
	Senarai Pengalaman Kerja	A/06
B	Syarat-Syarat Sebut Harga	B/01
	Syarat-Syarat Perniagaan	B/02 - B/04
C	<u>Lampiran</u> Lampiran A - Senarai Harga Makanan & Minuman	C/01 - C/04
	Lampiran B - Borang Terimaan Tawaran	C/05
	Lampiran C - Surat Akuan Pembida	C/06 - C/07
	Lampiran D - Lokasi Perkhidmatan	C/08 - C/10

BAHAGIAN

A

Ruj. No : JKSP.100-7/1/3 (4)

Tarikh : 15 Mac 2018

**PELAWAAN SEMULA SEBUT HARGA
RUJUKAN SEBUTHARGA: JKSNPP/KF/IP/BIL.1/2018**

**KONTRAK PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA – MENJALANKAN
PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN KOMPLEKS JABATAN
KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN MULAI
30 APRIL 2018 HINGGA 29 APRIL 2020**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Pengusaha Makanan yang berpengalaman dan berdaftar dengan pendaftar Perniagaan / Pendaftar Syarikat di bawah kod bidang (040101, 040102, 040103) yang masih dalam tempoh sah laku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan dan telah berdaftar dengan e-Perolehan Penang sahaja untuk menyertai sebut harga diatas untuk menjalankan perniagaan makanan halal di kafetaria (**Keluasan 112 meter persegi**) di Bangunan Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang selama 2 tahun mulai **30 April 2018 hingga 29 April 2020 (24 Bulan)**.
2. Sebutharga boleh didapati melalui muat turun Portal Kerajaan Pulau Pinang **<http://ep.penang.gov.my>** dan boleh dibeli secara dalam talian dengan harga RM10.00 setiap dokumen.
3. **Sebutharga akan ditutup pada 23 Mac 2018 pukul 12.00 tengahari.** Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan dan **berlakri** hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang, Tingkat 5 (Pejabat Pentadbiran Ibupejabat), No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan di atas. Sebut harga yang lewat akan ditolak.
4. Rujukan Sebut harga : **JKSNPP/KF/IP/BIL.1/2018** hendaklah dicatat pada atas sebelah kiri sampul surat sebut harga.
5. Kegagalan tuan menyertai sebut harga ini tanpa sebab-sebab yang sah akan mengakibatkan Syarikat tuan tidak akan dipelawa untuk menyertai lain-lain sebutharga daripada Jabatan Kehakiman Syariah, Pulau Pinang.

"CEKAP,AKAUNTABILITI,TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MUHAMAD SHAKIR BIN HJ. ABDUL HAMID)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

LAMPIRAN Q
(Arahan Perbendaharaan No. 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini.

No. Sebut Harga
JKSNPP/KF/IP/BIL.1/2018

(Kew.284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat):

No. Telefon :
No. pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini :

Pelawaan Sebut harga Di Keluarkan Oleh :-

Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang
Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang,
No.3, Jalan Batu Gantung,
10450 Georgetown,
Pulau Pinang
No. Telefon : 04-8307777
Tarikh : 16 Mac 2018

-
1. Sila beri sebut harga bagi bekalan perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
 2. Syarat-syarat : Penender hendaklah berdaftar dengan ePerolehan Penang bagi membolehkan dan melayakkan syarikat menyertai pelawaan sebut harga ini, bertaraf Bumiputra, menyertakan profil syarikat dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
 3. Tarikh dikehendaki diserahkan: **pada/sebelum 23 Mac 2018 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari.**
 4. Wajib mengisi Borang Integrity Pact yang disediakan seperti di Lampiran C.
 5. Pengiriman: Melalui Peti Sebut harga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, No.3, Jalan Batu Gantung, Pulau Pinang.
 6. Pembayaran: Local Order
 7. Sebut harga mestilah sampai ke alamat di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada / sebelum **23 Mac 2018 (Jumaat)** dan sah selama 90 hari selepas itu.

8. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam satu sampul berlakri yang ditanda "Sebut harga **JKSNPP/KF/IP/BIL.1/2018.**

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MUHAMAD SHAKIR BIN HJ. ABDUL HAMID)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

**TAWARAN SEMULA HARGA KONTRAK PENYEWAAN DAN PENGURUSAN
KAFETERIA – MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA
BANGUNAN KOMPLEKS JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU
PINANG
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN
(30 APRIL 2018 HINGGA 29 APRIL 2020)**

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Seperti di Lampiran B				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
	Tarikh dan Lawatan Tapak : TIADA (Sila rujuk Lampiran-lampiran untuk skop kerja-kerja/gambar tapak) * Sila sertakan salinan surat pendaftaran syarikat tuan dari Kementerian Kewangan Malaysia/ Pusat Khidmat Kontraktor serta salinan sijil status Bumiputra/CIDB/PKK (jika ada) Surat Pendaftaran GST (Jika Ada) Penyata Bank 3 Bulan Yang Terkini				

Catatan:

(Tawaran harga kontrak ini adalah muktamad dan tiada lagi perubahan harga selepas kontrak ditandatangani)

Saya/Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat seperti dilampiran berkepil.

Nama Syarikat :

Alamat :

No. Tel :

Tarikh :

- Catatan Tambahan:-
 - JKSNPP tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.

SENARAI PENGALAMAN KERJA/PERKHIDMATAN

BIL	NAMA DAN ALAMAT JABATAN/ TEMPAT YANG PERNAH BERKHIDMAT	TARIKH / TEMPOH

BAHAGIAN

B

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. Syarikat dikehendaki mengemukakan **satu salinan surat pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia, penyata bank syarikat dan profail syarikat.**
2. **“Kadar sebut harga”** hendaklah disebutkan secara jumlah keseluruhan bagi mengadakan penyewaan dan pengurusan kafeteria untuk jangka masa **satu bulan kalender.**
3. Kontrak ini dijangka akan bermula pada 30 April 2018 atau pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat setuju terima sebut harga kelak.
4. Sebelum menandatangani kontrak / surat perjanjian pengusaha yang berjaya mendapat tawaran dikehendaki membayar **Wang Cagaran Keselamatan** (Security Deposit) **sebanyak tiga bulan sewaan.** Wang Cagaran Keselamatan (Security Deposit) ini hendaklah dibayar dalam bentuk cek atas nama **Bendahari Negeri Pulau Pinang** atau bank deraf dan kemukakan ke Bahagian Pentadbiran/ Kewangan (Ibu pejabat) Jabatan Kehakiman Syariah dalam tempoh seminggu daripada surat tawaran.
5. Cagaran ini akan dikembalikan kepada Pengusaha dalam tempoh sebulan sesudah kontrak ini tamat dan tertakluk kepada apa-apa potongan yang dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah, Pulau Pinang mengikut peruntukan dalam kontrak ini berhubung dengan apa-apa kegagalan melaksanakan kontrak ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat kontrak ini dilakukan oleh Pengusaha di bawah kontrak ini. Pengusaha boleh menuntut wang cagaran keselamatan setelah perjanjian ini disempurnakan dengan baiknya.
6. Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang berhak menamatkan kontrak bila - bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian kontrak ini tanpa apa-apa tuntutan ganti rugi.
7. Jabatan Kehakiman Syariah, Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga yang terendah semestinya dipilih.
8. **Wajib mengisi Borang Integrity Pact seperti di Lampiran C**

**SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN
MAKANAN HALAL DI KAFETERIA
KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH PULAU PINANG**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pengusaha-pengusaha makanan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan telah berdaftar dengan e-Perolehan Penang untuk menjalankan perniagaan makanan di Kafeteria Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang bagi tempoh **30 April 2018 hingga 29 April 2020** (24 Bulan)
2. Tawaran sebut harga kafeteria hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Sebutharga** yang terdiri daripada **Lampiran Q, Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C**
3. Hanya barang-barang / makanan / minuman yang dibenarkan sahaja dijual.
4. Sewa Kafeteria mestilah dibayar setiap bulan dan bayaran sewa hendaklah dijelaskan **sebelum atau pada 7 haribulan** bulan berikutnya.
5. Kadar sewa yang ditawarkan tidak boleh diubahpinda pada bila-bila masa pun.
6. Sebelum menandatangani kontrak / surat perjanjian pengusaha yang berjaya mendapat tawaran dikehendaki membayar **Wang Pertaruhan Keselamatan** (Security Deposit) **sebanyak tiga bulan sewaan**.
7. Pengendali / Pengusaha makanan yang menjalankan perniagaan di Kafeteria JKSNPP tidak dikehendaki membayar semua bil-bil elektrik, air, gas, telefon dan sebagainya yang digunakan namun dikehendaki membeli insuran kebakaran yang sesuai untuk bangunan Kafeteria, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang.
8. Pengusaha hendaklah menggunakan pekerja-pekerjanya sendiri. Peralatan memasak, pinggan-mangkuk, bahan pembakar dan lain-lain hendaklah juga disediakan oleh pengusaha sendiri.
9. Keceriaan perlu disediakan seperti:
 - Alas Kerusi/meja
 - langsir tingkap
 - perhiasan yang sesuai
10. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang syarat yang ditetapkan oleh pihak Pengendali / Pengusaha makanan.
11. Jika kerosakan atau kehilangan barang-barang yang dibekalkan oleh kerajaan berlaku di kafeteria, maka pihak pengusaha hendaklah bertanggungjawab untuk membaikinya atau menggantikannya dengan nilai kos tahun semasa.

12. Bilangan warga kerja KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH PULAU PINANG TAHUN 2018 – 50 ORANG

Bilangan boleh berubah dan kafeteria dibuka kepada orang awam sebagai pelanggan

13. Waktu operasi adalah :

7.30 pagi – 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

** tutup pada Sabtu & Ahad (cuti umum/hari kelepasan am)*

**Tertakluk kepada arahan Pengurusan Atasan dan perubahan waktu yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa*

14. Penjagaan kebersihan dan kekemasan makanan, peralatan, pekerja dan persekitaran adalah perkara utama.

15. Senarai harga makanan dan minuman yang dijual mestilah dipaparkan di papan kenyataan. Satu salinan senarai tersebut hendaklah diberi kepada Ketua Hakim Syarie, JKSNPP.

16. Pengusaha hendaklah bersedia untuk menyediakan makanan/minuman (sajian jamuan) pada majlis-majlis rasmi jabatan ketika diperlukan dan pembayaran akan menggunakan Pesanan Tempatan kerajaan.

17. Pekerja-pekerja hendaklah diakui sihat oleh pegawai perubatan dan keterangannya hendaklah ditunjuk. Mereka mestilah berpakaian kemas dan bersih. Mereka juga diwajibkan memakai “apron” dan tutup rambut. Mereka dikehendaki memakai kasut bukan selipar.

18. Pengusaha tidak dibenar menyerahkan hak, menyewa atau melepaskan milik bangunan kafeteria atau mana-mana bahagian daripadanya kepada orang lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Hakim Syarie, JKSNPP.

19. Sampah sarap hendaklah dibuang di dalam tempat sampah yang bertutup dan kebersihannya hendaklah selalu dijaga supaya kawasan tersebut sentiasa bersih. Pengusaha hendaklah menentukan pembuangan sisa makanan dan sampah dibuat secara teratur.

20. JKSNPP berhak memindahkan peralatan yang boleh dipindahkan supaya pembersihan/pembaikan dapat dibuat.

21. Semua makanan hendaklah bersih, bermutu dan berzat serta terkawal dari lalat-lalat dan lain-lain kekotoran.

22. Semua makanan dan minuman yang disediakan mestilah halal. Makanan dan minuman yang tidak halal adalah dilarang. Rokok tidak dibenarkan dijual dan larangan merokok perlu dipaparkan di dalam kafeteria.

23. Semua peralatan termasuk kerusi dan meja yang berada di kafeteria hendaklah sentiasa bersih.
24. Lantai kafeteria termasuk kaki lima dan longkang sekeliling hendaklah dicuci pada tiap-tiap hari supaya dalam keadaan bersih sepanjang masa.
25. Pengusaha kafeteria mesti sedia menerima pandangan dan teguran daripada pihak pengurusan JKSNPP.
26. Pihak pengurusan JKSNPP berhak mengenakan denda (jumlah yang sesuai) dan membatalkan urusanniaga dan perkhidmatan kafeteria jika pengusaha tidak mematuhi mana-mana peraturan urusanniaga perkhidmatan kafeteria di JKSNPP.
27. Senarai nama dan gambar pekerja kafeteria hendaklah dikemukakan kepada pentadbiran dalam tempoh 2 minggu selepas perjanjian ditandatangani.
28. Semua pekerja dan pengusaha kafeteria hendaklah telah diberi suntikan pelalian thypoid dan menyertakan satu salinan kad suntikan tersebut kepada pihak pengurusan JKSNPP selewat-lewatnya 1 bulan selepas perjanjian ditandatangani.
29. Semua pekerja dan pengusaha hendaklah telah memperolehi Kursus Pengendalian Makanan yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan atau syarikat-syarikat swasta yang bertauliah dan satu salinan sijil hendaklah dikemukakan dalam tempoh 3 bulan sebelum perjanjian ditandatangani.

PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Tikar, bantal atau kain tidak dibenarkan digantung atau disidai di dalam atau di luar kafeteria.
2. Tidak dibenarkan tidur di kafeteria.
3. Orang yang mengidap penyakit kulit atau penyakit yang berjangkit tidak dibenarkan bergaul, masuk atau membantu bekerja di kafetaria.
4. Tidak dibenarkan memelihara binatang di kafeteria.
5. Tidak dibenarkan merokok semasa menyediakan makanan.
6. Pekerja dilarang menyimpan kuku yang panjang.
7. Pekerja dilarang memakai selipar.
8. Dilarang menyediakan makanan dan minuman tidak halal

BAHAGIAN

C -

LAMPIRAN

SENARAI HARGA MAKANAN & MINUMAN**A) Makanan Bermasak**

Bil.	Jenis-Jenis Masakan	Harga (RM)
1	Nasi/Nasi Ayam	
2	Lauk Pauk/Sayur/Ulaman	
3	Mee Goreng/Maggie Goreng/Nasi Goreng	
4	Mee Sup/Maggie Sup	
5	Meehoon Goreng	
6	Meehoon Sup	
7	Keowteow Goreng	
8	Keowteow Sup	
9	Laksa/Mee Kari	
10	Roti Canai/Chapati/Thosai	
11	Kueh Mueh	

B) Minuman & Buah-Buahan

Bil.	Jenis-Jenis Masakan	Harga (RM)	
		Panas	Sejuk
1	Teh 'O' / Teh		
2	Kopi 'O' / Kopi		
3	Nescafe 'O' / Nescafe		
4	Milo 'O' / Milo		
5	Horlick 'O' / Horlick		
6	Barli		
7	Oren Sunquick		
8	Sirap		
9	Buah Jus		
	-		

C) Minuman Sirap & pelbagai Jus & Buah-buahan

Bil	Jenis-jenis Minuman & Jus	Harga Sekotak/Botol/Gelas
1	Sirap (Oren,Sarsi & Lain-Lain)	
2	Jus Blender / Jus Buah-buahan	
3	Minuman Kotak	
4	Minuman Botol	
5	Minuman Tin	
6	Buah-buahan	
7	Agar-agar	
8	Puding	
9	Cendol	
10	Ais Kacang	

D) Lain-Lain (Sila isikan)

Bil	Jenis-jenis Makanan	Harga (RM)
	Set Nasi Ekonomi a) Nasi b) Lauk c) Sayur }	

- Pengusaha juga boleh melampirkan cadangan menu-menu lain dirasakan sesuai. (beserta harga)
- **Harga jualan yang diberikan adalah tetap** dan pengusaha tidak dibenarkan mengubah nilai melainkan mendapat kelulusan pihak pengurusan JKSNPP.

Borang Terimaan Tawaran

Saya (nama penuh) menawarkan untuk menjalankan perkhidmatan Kafeteria di bangunan Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang dan menawarkan sewaan bulanan sebanyak (RM) bagi tempoh **30 April 2018 hingga 29 April 2020 (24 bulan)**.

2. Saya telah membaca syarat-syarat dalam **Bahagian B** dengan teliti dan saya bersetuju mematuhi kepada syarat-syarat yang terkandung dalam lampiran itu.
3. Jika saya ditawarkan untuk menjalankan perkhidmatan Kafeteria, saya ***akan / tidak akan** berada di Kafeteria setiap hari. Jika ketiadaan saya di Kafeteria, wakil pengurus saya bernama
 No. K/P : akan mewakili saya di Kafeteria.
 * Potong di mana yang tidak berkenaan.

.....	
Tandatangan Pemohon	Tandatangan Saksi
Nama Penuh :	Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :	No. Kad Pengenalan :
Tarikh :	Tarikh :
Alamat :	Alamat :
.....	



SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi
(Tajuk dan Nombor Tender / Sebut Harga)

.....

Saya, .. **(Pemilik Syarikat)**
 Nombor **K.P.**.....yang memiliki ..**(Nama Syarikat)**.....nombor pendaftaran**(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)**
 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ... **(Nama Jabatan / Agensi)** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Suat Perwakilan Kuasa saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ... **(Nama, Jabatan Agensi)** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat /wakil syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... **(Tandatangan)**

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catitan: * Potong mana yang tidak berkaitan

LOKASI PERKHIDMATAN

Alamat: Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450
Georgetown, Pulau Pinang.





